



5.0

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM



5.1



Kelayakan Am Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1)

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai pengalaman kerja dalam pengendalian dan penyelenggaraan dandang stim;
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
- e. Menghadiri kursus Jurutera Dandang Stim di Penyedia Latihan Berdaftar dengan JKPP;
- f. Lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf JKPP; dan

5.2



Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2)



- a. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- b. Satu (1) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan

ATAU



- c. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (selain Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- d. Dua (2) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

5.3



Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1)



- a. Mempunyai enam (6) bulan pengalaman kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2);
- b. Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ratus (200) meter persegi; dan
- c. Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) bagi item (a) & (b).

5.4



Kelayakan Permohonan Pembaharuan Jurutera Dandang Stim

- 5.4.1 Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 5.4.1.1 Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Dandang Stim dan disahkan oleh majikan;
 - 5.4.1.2 mempunyai enam puluh (60) mata CEP dalam tempoh tiga (3) tahun dengan:
 - a. Tiga puluh (30) mata CEP termasuk latihan spesifik dalam bidang Dandang Stim yang berkaitan kompetensi seperti :
 - i. Perundangan dan piawaian dandang stim;
 - ii. Operasi, pemeriksaan dan penyelenggaraan dandang stim;
 - iii. Kegagalan dan pembaikan dandang stim; atau
 - iv. Teknologi berkaitan dandang stim;
 - b. Tiga puluh (30) mata CEP bidang KKP.
 - 5.4.1.3 Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
 - 5.4.1.4 Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 - Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - 5.4.1.5 Tidak memperoleh pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- 5.4.2 Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.





**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN
JURUTERA DANDANG STIM**

2025

(Dikemaskini Pada 23 Disember 2025)

Kandungan

1.0	PENDAHULUAN.....	3
2.0	PUNCA KUASA	3
3.0	TAFSIRAN	3
4.0	SKOP	3
5.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
5.1	Kelayakan Am Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1).....	4
5.2	Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2)	4
5.3	Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1)	4
5.4	Kelayakan Permohonan Pembaharuan Jurutera Dandang Stim	5
6.0	PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN.....	6
6.1	Kategori Permohonan	6
6.2	Panduan Mengisi Butiran Permohonan	6
7.0	DOKUMEN	8
8.0	PEMAKLUMAN.....	9
9.0	FI	9
10.0	PIAGAM PELANGGAN	9

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran baru dan permohonan pembaharuan Jurutera Dandang Stim bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak pemohon berkenaan hal-hal berkaitan permohonan pendaftaran baru dan permohonan pembaharuan Jurutera Dandang Stim. Panduan permohonan ini terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Panduan Permohonan Pendaftaran Baru:

- i. Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1)
- ii. Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2)

b. Panduan Permohonan Pembaharuan

Kaedah permohonan adalah secara atas talian melalui perkhidmatan sistem MySKUD yang boleh dilayari melalui Single-Sign-On (SSO) sistem MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my>)

2.0 PUNCA KUASA

Seksyen 31C (1), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, iaitu seseorang yang berniat untuk berdaftar sebagai orang kompeten atau penyedia latihan berdaftar hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Seksyen 31C (2), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, iaitu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

3.0 TAFSIRAN

Jurutera Dandang Stim adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

4.0 SKOP

Skop panduan ini adalah terpakai bagi pemohon yang ingin membuat permohonan sebagai Jurutera Dandang Stim.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

5.1 Kelayakan Am Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1)

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai pengalaman kerja dalam pengendalian dan penyelenggaraan dandang stim;
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
- e. Menghadiri kursus Jurutera Dandang Stim di Penyedia Latihan Berdaftar dengan JKPP;
- f. Lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf JKPP; dan

5.2 Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2)

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- b. Satu (1) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan

ATAU

- c. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (selain Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai *Graduated Engineer* dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- d. Dua (2) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

5.3 Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1)

- a. Mempunyai enam (6) bulan pengalaman kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2);
- b. Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ratus (200) meter persegi; dan
- c. Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) bagi item (a) & (b).

5.4 Kelayakan Permohonan Pembaharuan Jurutera Dandang Stim

- 5.4.1 Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- 5.4.1.1 Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Dandang Stim dan disahkan oleh majikan;
 - 5.4.1.2 mempunyai enam puluh (60) mata CEP dalam tempoh tiga (3) tahun dengan:
 - a. Tiga puluh (30) mata CEP termasuk latihan spesifik dalam bidang Dandang Stim yang berkaitan kompetensi seperti :
 - i. Perundangan dan piawaian dandang stim;
 - ii. Operasi, pemeriksaan dan penyelenggaraan dandang stim;
 - iii. Kegagalan dan pembaikan dandang stim; atau
 - iv. Teknologi berkaitan dandang stim; dan
 - b. Tiga puluh (30) mata CEP bidang KKP.
 - 5.4.1.3 Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
 - 5.4.1.4 Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 - Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - 5.4.1.5 Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- 5.4.2 Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 Kategori Permohonan

Kategori permohonan berikut adalah terpakai untuk semua jenis kompetensi iaitu Jurutera Dandang Stim Gred 1 dan Gred 2.

PILIHAN PERMOHONAN	KATEGORI	PENERANGAN
PERMOHONAN PENDAFTARAN		<ul style="list-style-type: none">- Setiap gred permohonan hanya boleh dipohon satu dalam satu masa.- Calon perlu mempunyai kompetensi Gred 2 terlebih dahulu sebelum memohon Gred 1 untuk setiap kategori.

6.2 Panduan Mengisi Butiran Permohonan

Bahagian A : Butiran Permohonan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Pemohon	Nama penuh seperti di dalam kad pengenalan
Bangsa	Mengisi mengikut bangsa pemohon
Alamat Surat Menyurat	Alamat seperti di dalam Kad Pengenalan calon
Nombor Telefon	Nombor telefon peribadi calon dan aktif
Emel	Emel terkini calon dan aktif

Bahagian B : Maklumat Tempat Kerja

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Majikan/Syarikat	Nama penuh syarikat/majikan seperti di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
No. Pendaftaran Kilang/Tempat Kerja	Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja yang berdaftar dengan JKPP
Alamat Premis	Alamat penuh yang didaftarkan dengan JKPP
No. Telefon	Nombor telefon syarikat yang terkini dan aktif
E-mel Syarikat	Emel syarikat terkini dan aktif

Bahagian C : Maklumat Pendidikan dan Kursus Jurutera Dandang Stim

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Institusi	Nama Institusi Pendidikan dan Penyedia Latihan Berdaftar

Taraf Pendidikan	Taraf pendidikan tertinggi sehingga peringkat Ijazah sahaja (Taraf yang tertinggi sahaja) dan Sijil Kekompetenan (sijil hadir kursus di pusat penyedia latihan berdaftar dan sijil lulus peperiksaan di pusat peperiksaan yang diiktiraf)
Bidang Pendidikan	Bidang pendidikan yang diambil (Bidang Kejuruteraan sahaja)
Tempoh Pendidikan	Tempoh belajar sehingga tamat

Bahagian D : Pengalaman Bekerja

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Syarikat	Nama syarikat perlu dibuat carian di sistem
Bidang Bekerja	Skop kerja/tanggungjawab/peranan
Jawatan	Jawatan yang disandang
Tempoh Bekerja	Tempoh bekerja di syarikat terkini atau terdahulu
Catatan	Lain-lain perkara yang ingin dimaklumkan

Bahagian E : Maklumat Peperiksaan Daripada Badan Yang Diiktiraf

*Perhatian : Jika terdapat maklumat dari Peperiksaan Daripada Badan Yang Diiktiraf, mohon isi bahagian di bawah.

MAKLUMAT	PENERANGAN
Jenis Peperiksaan	Jenis peperiksaan yang diduduki oleh calon
Nama Badan Diiktiraf	Maklumat Badan Diiktiraf
Tarikh Peperiksaan	Tarikh menduduki peperiksaan dengan Badan Yang Diiktiraf
Keputusan Peperiksaan	Keputusan peperiksaan yang diterima dari Peperiksaan Daripada Badan Yang Diiktiraf

Bahagian F : Maklumat Kelayakan Dandang

MAKLUMAT	PENERANGAN
No. Pendaftaran Jentera (No. PMD)	<ul style="list-style-type: none"> - Maklumat dandang perlu dibuat carian di sistem. (Mandatori) - Jika carian tidak berjaya, pendaftaran tidak boleh dibuat. - Calon perlu menghubungi Help Desk mySkud

7.0 DOKUMEN

Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format *PDF*.

BUTIRAN	PENERANGAN
Imbasan Kad Pengenalan berwarna depan dan belakang yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A. *	Salinan yang dimuat naik perlulah jelas serta berwarna depan dan belakang dan disahkan. Permohonan akan ditolak jika tidak menepati piawaian yang ditetapkan.
Surat Lantikan Jawatan terkini *	Surat lantikan jawatan syarikat terkini yang sah
Pengesahan Majikan terkini (Tempoh Bekerja) *	Surat pengesahan majikan mengenai tempoh perkhidmatan di syarikat terkini.
Sijil Kelulusan Akademik, Sijil hadir kursus Jurutera Dandang Stim dan lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim yang dimiliki dan disahkan *	Sijil akademik tertinggi yang dimiliki sehingga peringkat Ijazah pertama sahaja, Sijil hadir kursus di Penyedia Latihan Berdaftar dan Sijil lulus peperiksaan di pusat peperiksaan yang diiktiraf.
Transkrip Akademik yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A. *	Transkrip penuh diploma/ijazah daripada institusi pendidikan
Bukti-bukti menjalankan tugas sebagai Jurutera Dandang Stim terkini *	Salinan Log Book boiler atau daily checklist sebagai pembantu Operator Dandang Stim atau Jurutera Dandang Stim
Surat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (Jika Ada)	Surat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar yang mengandungi maklumat jentera dan keupayaan
Laporan Pemeriksaan Kesihatan daripada Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang diiktiraf terkini *	Laporan pemeriksaan kesihatan daripada Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang diiktiraf.
Taraf Perakuan Kebolehan Sebagai Jurutera Dandang Stim yang dikeluarkan dibawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Jika Ada)	Buku perakuan dibawah Ordinan Perkapalan 1952
Lain-lain dokumen*	Dokumen pendaftaran sebagai <i>Graduated Engineer</i> dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); * dan Dokumen sokongan yang dirasakan perlu untuk menyokong dokumen-dokumen diatas.

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati :

- a. Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten; atau
- b. Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c. Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa ; atau
- d. Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

9.0 FI

Pembayaran akan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024

Bagi permohonan pembaharuan yang dihantar dalam tempoh lebih 7 hari selepas dari tarikh tamat kompetensi, fi proses akan dikenakan.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Piagam pelanggan bagi permohonan Permohonan/Pembaharuan Jurutera Dandang Stim adalah tiga puluh (30) hari.

Disediakan oleh:

Unit Peperiksaan dan Persijilan

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia